

Serdang Angels yakin mampu kekalkan gelaran juara

SERDANG - Memegang status penyandang juara, wakil Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Angels melaungkan amaran awal untuk mengekalkan kejaguan mereka dalam Kejohanan Ragbi Super 8, Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2015 yang akan berlangsung pada 13-15 dan 20-22 November ini.

Pemain tengah Serdang Angels, Muhammad Siddiq Amir Jalil berkata, menerusi program latihan yang telah disusun oleh jurulatih dan pengurus mereka, pasukannya setakat ini tidak mempunyai sebarang masalah mahupun tekanan dalam menghadapi kejohanan yang memasuki edisi kedua itu.

“Sepanjang 2015, bermula dari

awal tahun ini, beberapa pemain kami telah ke New Zealand untuk menjalani latihan selama dua minggu. Kami juga menyertai beberapa kejohanan di dalam dan luar negara seperti pada bulan lepas kami ke Bali. Jadi, semua itu dapat membantu kami untuk beraksi dalam kejohanan lebih tinggi.

“Dengan adanya program latihan dan pendedahan, kami yakin Serdang Angels berada di landasan tepat untuk mengekalkan kejuaraan. Tekanan memang ada, itu adalah normal, tetapi bukan penghalang untuk merealisasikan misi kami,” katanya selepas sidang akhbar kejohanan di UPM, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib

Canselor UPM (HEP), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Hazally Jali dan Ketua Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub.

Sebanyak lapan pasukan iaitu UPM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Majlis Sukan Politeknik dan Majlis Sukan Kolej Komuniti akan bersaing dalam kejohanan itu yang akan berlangsung di UPM.

Sementara itu, pemain UiTM Lions, Syarif Nurhidayat Muz-

haimey berkata, sekali pun pasukannya dibarisi 80 peratus wajah baharu, namun dia tidak menganggap situasi tersebut sebagai penghalang untuk merampas kejuaraan dalam penyertaan sulung mereka.

“Dibarisi pemain baharu adalah satu cabaran kepada kami, tapi kami tak jadikan ini sebagai penghalang untuk kami maju dan sampai ke perlawanan akhir.

“Serdang Angels merupakan musuh tradisi kami, kami tidak pernah menewaskan mereka dalam tempoh dua tahun ini. Harap dapat bertemu dan mengalahkan mereka,” katanya yang juga kapten Perak.